

# Kembara ke Turki

Warga Unisza jejak sejarah keagungan kepimpinan Islam



Peserta Program Menjejaki Kesultanan Turki Uthmaniah dan Kepimpinan Al Fateh bergambar sebelum berlepas ke Turki.

**GONG BADAK** – Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial Gunaan (PMFSSG) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) melakar sejarah tersendiri dengan menganjurkan Program Menjejaki Kesultanan Turki Uthmaniah dan Kepimpinan Al Fateh yang berkonsepkan kembara Islam.

Program yang melibatkan 11 orang pelajar, empat wakil kerajaan negeri dan empat orang pensyarah itu akan mengembara ke tiga buah daerah di Turki iaitu Istanbul, Ankara dan Bursa selama 14 hari bagi menjelaki sejarah keagungan Turki Uthmaniah dan kepimpinan Sultan Muhammad Al Fateh.

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) FSSG, Dr. Mutia Sobihah Abd Halim berkata, selain melahirkan pelajar yang berdaya saing di peringkat global, program ini juga secara tidak langsung

akan memberi peluang untuk melihat industri pelancongan Islam di negara berkenaan.

“Sepanjang 14 hari mengikuti program ini, kita akan ke tempat-tempat bersejarah yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta melalui perbincangan atau diskusi.

“Kita juga akan membuat dokumentari di tempat-tempat ilmu untuk melengkapkan dua modul yang berkonsepkan travelog dan akademik, di mana dua modul itu akan dibuat untuk kita perkenalkan apabila pulang ke tanah air nanti.

“Malah, kita juga akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Tugas-Tugas Khas negeri untuk memperkenalkan dua modul itu dengan memberi fokus kepada sekolah-sekolah agama dan Imtiaz,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Solat Hajat Sempena Program Menjejaki Kesultanan Turki Uthmaniah dan Kepimpinan Al Fateh di Turki di Masjid Unisza, di sini.

Jelas Mutia lagi, selain memberi pendedahan keagungan Sultan Muhammad Al Fateh (Mehmed Fatih) yang menjadi simbol kepimpinan Islam yang agung, program ini juga akan memberi peluang kepada peserta menghayati pembudayaan wakaf di Turki dan seterusnya akan dapat diterapkan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

JOM SOLAT	
KUALA NERUS	
SUBUH	5:54
SYURUK	7:10
ZOHOR	1:16
ASAR	4:22
MAGHRIB	7:19
ISYAK	8:28